

PELAN INTEGRITI ORGANISASI TAHUN 2011 - 2012



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)**

MALAYSIA - KE ARAH DAYA SAING GLOBAL



**MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
MALAYSIA**

Perutusan Y.B. Menteri

Kerajaan kini adalah komited untuk terus memacu pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju dengan melancarkan pelbagai program transformasi strategik dan menyeluruh, seperti Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Program*), Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Program*) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Usaha yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah kepimpinan Y.A.B Perdana Menteri ini turut sama diterapkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebagai salah satu Kementerian peneraju ekonomi Negara. Bagi merealisasikan pembangunan ekonomi ini, satu tindakan selari turut dilaksanakan melalui penyediaan modal insan berkualiti dan seimbang dari sudut jasmani dan rohani yang juga bertujuan memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan agar sentiasa efektif serta memberi kesan positif terhadap rakyat.

Pelan Integriti Nasional (PIN) umpamanya dirangka berlandaskan hasrat Kerajaan untuk menggubal strategi dan hala tuju bagi memantapkan nilai etika dan integriti keseluruhan Perkhidmatan Awam. Justeru itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) turut mengambil pendekatan serupa melalui Pelan Integriti Organisasi (PIO) yang turut dilihat sebagai satu landasan bagi pembentukan kecemerlangan peribadi warga MITI keseluruhannya. Usaha ini juga merupakan pemangkin ke atas peningkatan jati diri dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan warga MITI dalam menjayakan dasar dan program-program yang digariskan oleh Kerajaan.

Adalah menjadi harapan saya agar warga MITI di semua peringkat terus menghayati dan mengaplikasikan PIO bagi memastikan MITI terus menjadi sebuah organisasi yang telus, relevan, disegani dengan warga yang mempunyai nilai integriti yang tinggi.

Akhir kata, saya menaruh harapan agar PIO MITI ini akan menjadi pemangkin kepada usaha peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan di MITI.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dato' Sri Mustapa Mohamed'. The signature is stylized with a long horizontal stroke and a small mark above it.

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
MALAYSIA**

Perutusan Ketua Setiausaha

Pelan Integriti Organisasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (PIO MITI) bagi tahun 2011-2012 adalah merupakan penambahbaikan ke atas PIO yang telah sedia diguna pakai sejak tahun 2006. Langkah ini dilaksanakan selari dengan visi, misi dan objektif MITI serta transformasi tadbir urus Kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan. Penggubalan Pelan ini juga turut menepati landasan yang digariskan melalui Pelan Integriti Nasional (PIN) bertujuan membentuk pekerja beretika dan berintegriti tinggi serta mengamalkan budaya kerja cemerlang.

PIO MITI bagi tahun 2011-2012 ini perlu dilihat sebagai satu Pelan yang mampu untuk mencapai matlamat dan skop dalam membudayakan amalan beretika dan integriti di Kementerian dengan berteraskan kepada 5 strategi utama yang merangkumi aspek tadbir urus terbaik, sistem penyampaian perkhidmatan, program memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, sistem keadilan dan pengurusan sumber manusia.

Dengan ini diharapkan agar semua warga MITI menghayati serta memberikan komitmen terhadap aspek pelaksanaan program-program yang telah dirancang dalam PIO ini. Pada masa yang sama, semua pihak hendaklah memastikan proses penambahbaikan berterusan turut diamalkan agar PIO MITI sentiasa relevan, praktikal dan mencapai hasratnya.

Akhir kata, saya menyeru semua warga MITI supaya sentiasa mengambil serius dan memberikan komitmen yang jitu dalam memenuhi kehendak *stakeholders* untuk membudayakan amalan beretika dan integriti di semua peringkat pentadbiran selari dengan PIO MITI. Semoga usaha dan komitmen ini akan membuahkan hasil yang bermanfaat kepada masyarakat dan Negara.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA

Kandungan

Perutusan Y.B. Menteri	i - ii
Perutusan Ketua Setiausaha	iii
Visi, Misi, Objektif dan Falsafah Korporat MITI	1
Teras Strategik MITI	1
Nilai-Nilai Utama MITI	2 - 6
Latar Belakang Pelan Integriti Organisasi MITI Bagi Tahun 2011 - 2012	7 - 11
 <u>Lampiran A</u>	
Strategi 1 : Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik	12 - 15
Strategi 2 : Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan	16 - 23
Strategi 3 : Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Jenayah Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Serta Meningkatkan Integriti	24 - 27
Strategi 4 : Memantapkan Pentadbiran Sistem Keadilan dan Kawalan Dalaman	28 - 34
Strategi 5 : Mentransformasikan Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia	35 - 39

1. VISI, MISI, OBJEKTIF DAN FALSAFAH KORPORAT MITI

(a) **VISI MITI**

Untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih dan menjadi antara negara pedagang yang paling berdaya saing pada tahun 2020.

(b) **MISI MITI**

Untuk mempromosi dan mengatur daya saing global Malaysia di arena perdagangan antarabangsa dengan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Untuk memacu aktiviti-aktiviti pembangunan industri ke arah peningkatan pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

(c) **OBJEKTIF MITI**

Untuk merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar perdagangan luar dan industri negara supaya berkembang dengan pesat ke arah pencapaian dasar ekonomi negara dan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

(d) **FALSAFAH KORPORAT MITI**

- Negara Sebelum Diri
- Berkhidmat Dengan Dedikasi
- Kecemerlangan Dalam Usaha
- Pencapaian Secara Berpasukan
- Satu Kementerian Satu Aspirasi

2. TERAS STRATEGIK MITI

- (a) Pelan Strategik MITI menggariskan strategi bagi mencapai enam teras utama MITI yang merangkumi bidang pembuatan, perkhidmatan, pelaburan, perdagangan antarabangsa, enterpris kecil dan sederhana (EKS) dan pembangunan keusahawanan. Jentera pelaksanaan yang cekap dan berkesan adalah penting untuk menyokong pelaksanaan enam teras utama MITI. Jentera pelaksanaan yang dikenal pasti merangkumi perancangan strategik, pembangunan sumber manusia, struktur dan budaya pengurusan, pengurusan *stakeholders* dan pelanggan, pengurusan maklumat dan teknologi maklumat serta komunikasi (ICT).

- (b) Selaras dengan Teras 1 Rancangan Malaysia ke-9, iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai yang lebih tinggi, teras strategik MITI yang juga merupakan fungsi-fungsi utama MITI adalah:
- Meningkatkan eksport pembuatan dan perkhidmatan;
 - Meningkatkan pelaburan sektor pembuatan dan perkhidmatan;
 - Mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi/berasaskan pengetahuan;
 - Meningkatkan produktiviti dan inovasi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan;
 - Pembangunan EKS; dan
 - Pembangunan usahawan Bumiputera.
- (c) Pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang berkesan dapat meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai Negara perdagangan utama, menjana pelaburan dalam bidang yang disasarkan dan mengintegrasikan syarikat Malaysia ke dalam rangkaian serantau dan global. Selain itu, IMP3 turut memberi fokus kepada sektor perkhidmatan sebagai sumber pertumbuhan utama, pembangunan dan aplikasi teknologi berintensifkan pengetahuan, pembangunan modal insan yang inovatif dan kreatif, pengukuhan peranan institusi sektor swasta dan pewujudan persekitaran operasi perniagaan yang berdaya saing.
- (d) Elemen-elemen utama yang mendukung pelaksanaan teras strategik MITI secara berkesan adalah:
- Budaya dan struktur organisasi;
 - Pengurusan *stakeholders*;
 - Perancangan strategik; dan
 - Pengurusan maklumat dan teknologi maklumat serta komunikasi (ICT)

3. NILAI-NILAI UTAMA MITI

Budaya anggota MITI adalah berdasarkan nilai-nilai teras dan kembangan MITI. Oleh yang demikian, semua anggota MITI hendaklah mengamalkan budaya-budaya berikut, iaitu:

(a) Taat Setia

Taat setia kepada Raja, Negara dan Kerajaan merupakan salah satu daripada nilai-nilai terpenting yang perlu diamal dan dihayati oleh setiap anggota MITI. Rukun negara pula mengehendaki setiap anggota mendukung prinsip kesetiaan kepada Raja dan Negara. Nilai ini amat perlu dihayati demi mempertahankan kedaulatan Negara dan bangsa.

(b) Aku Janji

Anggota MITI dikehendaki untuk membaca dan menandatangani Surat Aku Janji semasa melapor diri di MITI selain turut memaparkan imej yang boleh diteladani, berakhlak mulia dan mengamalkan budaya cemerlang MITI sepanjang perkhidmatan di MITI.

(c) Amanah, Bersih dan Jujur

Anggota MITI dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara amanah, bersih dan jujur. Kebersihan yang dimaksudkan adalah semua segi termasuk kebersihan moral dan fizikal. Kebersihan moral adalah sentiasa berfikiran positif dalam apa jua tugas yang dilakukan dengan niat yang murni, tidak salah guna kuasa, sombong, angkuh atau terlibat dalam rasuah.

Dari segi kebersihan fizikal, anggota MITI hendaklah sentiasa berpakaian kemas dan bersih. Begitu juga dengan kejujuran yang mana anggota MITI perlu melaksanakan tanggungjawab dengan ikhlas dan amanah terutama dalam bidang tugasnya berkenaan mengurus kewangan dan aset.

(d) Benar

Setiap amalan dan tindak tanduk anggota MITI dalam menjalankan tugas hendaklah berdasarkan peraturan dan garis panduan semasa. Setiap tindakan hendaklah tepat, profesional dan jujur dalam membuat keputusan serta sanggup menerima pandangan atau teguran.

(e) Bijaksana

Setiap tugas dan tanggungjawab perlu dilaksanakan secara bijaksana, berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi. Anggota MITI perlulah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang cukup bagi memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ilmu pengetahuan yang lengkap menjadikan minda dan fizikal anggota MITI sentiasa aktif, sihat, proaktif, inovatif dan kreatif. Kebijaksanaan juga menjadikan anggota MITI sentiasa tenang dan sabar di dalam menyempurnakan tugas serta membantu membuat keputusan yang tepat.

(f) Telus

Setiap tindakan dan keputusan yang dibuat hendaklah melalui proses yang telus dan maklumat serta keputusan dihebahkan kepada pihak yang berhak. Anggota MITI hendaklah mengamalkan konsep syura di dalam mencari penyelesaian dan membuat keputusan tanpa bertindak menyembunyikan keputusan yang boleh menyebabkan perpecahan, pertelingkahan dan fitnah.

(g) Bersyukur

Setiap anggota MITI perlulah mempunyai sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan serta pencapaian yang diperolehi. Menghargai setiap nikmat dan rezeki yang diterima adalah penting bagi membina sahsiah seseorang anggota. Menghargai kejayaan orang lain, berkongsi kejayaan dan tabah di dalam menghadapi ujian atau kegagalan adalah sikap terpuji yang perlu ada dan dipupuk di dalam diri setiap anggota MITI.

(h) Berdedikasi

Berdedikasi bermaksud kesungguhan seseorang bagi melaksanakan tugas dengan sempurna dan lebih daripada yang diharapkan. Anggota MITI yang berdedikasi adalah anggota MITI yang mempunyai dorongan yang tinggi untuk sentiasa meningkatkan prestasi dan bersedia menerima teguran.

(i) Berdisiplin

Berdisiplin adalah satu sifat (karakter) kawalan dalaman seseorang individu untuk bertindak, berfikir dan memberi maklumbalas (respons) berdasarkan peraturan, nilai-nilai etika, prinsip dan kematangan diri. Anggota MITI yang berdisiplin adalah anggota yang berpegang teguh kepada nilai-nilai korporat MITI, peraturan, menjaga imej organisasi dan taat kepada perintah agama.

(j) Bekerjasama

Bekerjasama bermaksud tolong-menolong demi kebaikan dan kecemerlangan bersama. Anggota MITI haruslah menanam semangat tolong-menolong kerana hampir kebanyakan kerja atau tugas dalam organisasi, hasil dan kualiti kerja bergantung kepada kerjasama yang erat di kalangan anggota, komunikasi yang baik dan toleransi dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang sukar.

Sifat kerjasama yang kukuh di kalangan anggota membolehkan sesuatu penyampaian perkhidmatan itu dilaksanakan dengan segera dan terbaik. Amalan sifat kerjasama mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja anggota MITI.

(k) Berbudi mulia

Berbudi mulia adalah satu nilai yang ada pada seseorang yang mudah memberi kesenangan atau menolong orang lain tanpa disuruh dan tanpa mengharapkan sebarang balasan. Anggota MITI yang berbudi mulia ialah mereka yang bertindak tanpa menyinggung perasaan orang lain, tidak suka menunjuk-nunjuk atau mendabik dada. Anggota MITI yang berbudi mulia sentiasa berusaha mewujudkan hubungan harmonis dalam organisasi.

(l) Ikhlas

Ikhlas bermaksud hati yang pemurah dan jujur yang tidak mengharapkan sebarang pujian, balasan atau anugerah. Anggota MITI yang jujur ialah anggota MITI yang menerima tanggungjawab dengan terbuka dan cuba melaksanakannya dengan terbaik. Anggota MITI yang ikhlas ialah anggota yang tidak memilih kerja, tempat bertugas yang diarahkan atau bahagian yang ditempatkan serta akan berusaha melakukan dengan terbaik untuk kecemerlangan organisasi.

(m) Sabar

Sabar adalah salah satu sifat kekuatan atau ketahanan dalam diri manusia yang lahir daripada kesedaran betapa pentingnya berusaha mengatasi halangan atau kesusahan. Anggota MITI yang sabar sentiasa mempunyai sifat berhemah yang tinggi, bersopan santun dan tenang walaupun menghadapi rintangan yang perit.

(n) Sederhana

Sederhana ialah sifat yang mementingkan konsep berpadu-pada sama ada dalam kehidupan atau pekerjaan. Dalam konteks sifat sederhana di kalangan anggota MITI, sesuatu yang dikatakan sederhana itu adalah ketika membuat pertimbangan untuk mencapai sesuatu keputusan, tidak boros dalam urusan pentadbiran, berhemat dalam melakukan sesuatu tugas atau ketika menggunakan sesuatu kemudahan pejabat. Sifat sederhana anggota MITI juga dititikberatkan dalam pemilikan harta di mana anggota MITI harus bersyukur dan sedar bahawa harta dan pangkat yang ada bukanlah satu hak mutlak dan bekerja bukanlah untuk mengumpul harta kekayaan. Kesederhanaan dalam apa jua keadaan menjauhkan anggota MITI daripada amalan-amalan kurang sihat.

(o) Tekun

Tekun bermaksud berusaha bersungguh-sungguh dalam merealisasikan tanggungjawab. Anggota MITI yang tekun ialah anggota MITI yang komited dan fokus dalam menyempurnakan tugas serta sabar dengan cabaran yang datang. Anggota MITI yang tekun ialah warga yang tidak akan menerima kegagalan tanpa mencuba. Bagi memastikan tanggungjawab yang diamanahkan telah dilaksanakan dengan jayanya, anggota MITI perlu merancang, membuat pemantauan atau analisis dan memastikan keputusan atau tindakan adalah realistik. Ini kerana anggota MITI yang tekun ialah mereka yang fokus dan menghargai masa supaya sentiasa dapat melakukan perkara-perkara yang produktif.

Sebaliknya, anggota MITI yang tidak tekun ialah mereka yang tidak fokus dan mudah merasa bosan atau putus asa. Ini kerana mereka selalu melakukan kerja atau tindakan berulang-ulang dengan kesalahan atau teguran yang sama. Akibatnya, mereka ini menjadi tidak produktif dan tiada peningkatan dalam kualiti kerja.

(p) Bertanggungjawab

Anggota MITI tidak boleh membelakangkan kewajipan awamnya atau berkelakuan yang boleh diertikan sebagai tidak bertanggungjawab. Antara kepentingan persendirian dan tanggungjawab awam tidak boleh bercanggah. Ini penting bagi memastikan anggota melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah negara dan rakyat. Bertanggungjawab juga boleh diertikan sebagai anggota tidak terlepas dari dipersoal jika gagal melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

(q) Berkecuali

Anggota MITI perlu melaksanakan tugas mereka tanpa membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar berhubung dengan sesuatu tuntutan yang berkaitan dengan tugas awamnya. Mereka juga tidak dibenarkan menyertai secara aktif mana-mana parti politik untuk mengelakkan Kerajaan daripada menghadapi keadaan serba salah.

(r) Adil dan Saksama

Anggota MITI perlu sentiasa bersikap adil dan saksama terhadap orang ramai dan memberi mereka layanan yang teratur dan memuaskan. Anggota MITI hendaklah sentiasa membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap keputusan atau pelaksanaan tugas berasaskan peraturan dan pekeliling semasa serta fakta yang lengkap. Sebelum sebarang keputusan atau tindakan hendak dilaksanakan, penilaian secara objektif dan profesional serta pandangan pihak yang berkenaan harus diambilkira dan dijadikan input kepada keputusan dan tindakan yang bakal dicapai. Sebarang keputusan dan tindakan yang baik adalah untuk kemajuan dan kejayaan semua anggota organisasi. Kementerian juga dikehendaki mengadakan peraturan-peraturan yang mengutamakan nilai ini.

(s) Prestasi Yang Cemerlang dan Berkualiti

Anggota MITI yang berprestasi cemerlang selain dari lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Setiap anggota tidak boleh cuai dan kurang berusaha di sepanjang perkhidmatannya. Penghasilan kerja perlu dilaksanakan dengan berkualiti.

Oleh itu, anggota MITI perlu sentiasa meningkatkan keupayaan mereka menerusi peningkatan kemahiran dan pengetahuan mengenai kerja. Kelemahan perlu segera diperbaiki supaya prestasi sentiasa berada di tahap yang tinggi.

(t) Sikap Berjimat Cermat

Kementerian perlu berjimat cermat dalam hal perbelanjaan terutama dalam menguruskan harta dan kepentingan Kerajaan dan Negara. Peranan Ketua Jabatan perlu dimainkan dalam semua aspek pengurusan bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah.

**LATAR BELAKANG PELAN INTEGRITI ORGANISASI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
BAGI TAHUN 2011-2012**

1. PENDAHULUAN

Pelan Integriti Organisasi (PIO) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ini mengandungi program dan aktiviti yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan integriti jentera pengurusan dan pentadbiran MITI.

Program dan aktiviti yang digubal mengariskan prinsip, fokus dan pendekatan peningkatan integriti di kalangan anggota MITI.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Semenjak tahun 2009, Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) peringkat Kebangsaan sering membangkitkan isu mengenai PIO sebagai tindakan susulan ke atas pelaksanaan dokumen berkenaan di kesemua Kementerian.
- 2.2 Berdasarkan semakan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) selaku Urus Setia Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) MITI, didapati Pelan Tindakan Integriti MITI tidak dikemas kini sejak tahun 2006.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, Institut Integriti Malaysia (IIM) menyarankan semua Kementerian supaya menyesuaikan sasaran utama Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan amalan semasa Kementerian di dalam PIO masing-masing. Kementerian perlu mengambil kira sasaran berkenaan di dalam menggubal draf masing-masing.
- 2.4 Selain itu, selaras dengan adanya pengemaskinian terhadap peraturan-peraturan semasa Kerajaan terutamanya bagi anggota awam, usaha-usaha penambah baik juga turut dilaksanakan terhadap PIO MITI sedia ada. BPSM MITI telah mengenal pasti tindakan-tindakan yang sesuai untuk dikemas kini berdasarkan Mesyuarat Mengenai Kod Etika dan Pelan Tindakan Integriti MITI yang telah diadakan pada 9 November 2009, 20 Ogos dan 23 Disember 2010 dan diwakili oleh semua wakil Bahagian di MITI.
- 2.5 Berikutan itu, penubuhan Jawatankuasa Penggubalan PIO MITI pada 20 Ogos 2010 yang membabitkan penglibatan semua wakil Bahagian di MITI adalah merupakan antara penyesuaian yang dilakukan terhadap PIO berkenaan terutama bagi memastikan Pelan tersebut bertepatan dengan PIN. MITI turut mendapat kerjasama dan komitmen yang baik daripada pihak IIM dalam membantu untuk menambah baik PIO MITI sedia ada.

- 2.6 PIO MITI perlu dilihat sebagai satu Pelan yang mampu untuk mencapai matlamat dan skop yang telah digariskan oleh PIN. PIO MITI ini juga seharusnya menjadi dasar dan rangka utama dalam membudayakan amalan beretika dan integriti di Kementerian berdasarkan kepada lima strategi yang telah diguna pakai sebagai teras utama dalam perancangan dan penggubalan PIO MITI ini.

3. ASAS PEMBENTUKAN PELAN INTEGRITI ORGANISASI MITI

- 3.1 Asas utama penggubalan PIO MITI adalah berlandaskan falsafah yang digariskan dalam PIN serta berteraskan prinsip Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan cabaran Wawasan 2020. Penerimaan terhadap kepelbagaian kaum dan agama adalah satu kurniaan yang memberi kelebihan besar dalam membina masyarakat yang bersatu padu, adil, demokratik, liberal dan progresif ke arah menjadikan Malaysia negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Pendekatan ini juga telah dijadikan asas dalam merangka strategi dan pelan tindakan pengukuhan nilai murni dan integriti warga MITI.
- 3.2 Selaras dengan aspirasi kepimpinan negara, nilai-nilai 1Malaysia juga turut dijadikan asas dalam penyediaan PIO MITI. Nilai-nilai 1Malaysia iaitu budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti diyakini dapat menyatukan pemikiran dan tindakan warga MITI ke arah mencapai matlamat organisasi.
- 3.3 Pelan Integriti MITI ini juga disemai secara berterusan dalam diri setiap warga MITI. Ini terbukti dengan adanya Kod Etika MITI yang diguna pakai oleh semua warga bagi memastikan warga MITI terus cemerlang selari dengan Kod Etika yang diguna pakai.

4. OBJEKTIF PELAN INTEGRITI ORGANISASI MITI

- 4.1 Bagi tujuan penggubalan PIO MITI ini, terdapat dua peringkat objektif yang telah digariskan iaitu:

(a) Jangka Masa Panjang

Untuk melahirkan warga MITI yang berpegang teguh kepada nilai murni dan etika serta berintegriti dalam menjalani semua aspek kehidupan seharian. Pelan ini bertujuan meningkat dan mengukuhkan tahap kesedaran warga MITI terhadap kepentingan membudayakan nilai murni dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar dan *stakeholders*.

(b) Jangka Masa Pendek

Untuk memastikan usaha memperkukuhkan nilai murni dan integriti di kalangan warga MITI dilaksanakan secara terancang dan komprehensif dengan melibatkan komitmen semua sektor, bahagian dan unit di MITI.

4.2 Kedua-duanya adalah penting bagi memenuhi tuntutan dan keperluan semasa MITI selain bertujuan untuk:

- (a) Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai bahagian, pelanggan dan stakeholders serta masyarakat bagi memantapkan integriti;
- (b) Memperkukuhkan asas moral dan membudayakan integriti sebagai amalan warga kerja dan anggota;
- (c) Mempertingkatkan tadbir urus baik, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan berintegriti; dan
- (d) Mempertingkatkan daya saing dan daya tahan warga kerja dan organisasi dalam usaha menangani pelbagai cabaran termasuk cabaran globalisasi.

4.3 Ke arah memastikan matlamat ini dapat dicapai, MITI menetapkan empat pendekatan serta strategi-strategi seperti berikut:

A. Penerapan/Penghayatan

Strategi : Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai pengurusan integriti melalui program ceramah dan kursus berterusan.

B. Pencegahan

Strategi 1 : Meningkatkan ketelusan pentadbiran MITI;

Strategi 2 : Mengenal pasti dan mengurus bidang-bidang berisiko tinggi terhadap penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah;

Strategi 3 : Memperkukuhkan lagi sistem kerja dan sistem penyampaian supaya lebih cekap dan berkesan;

- Strategi 4 : Memperkemarkan sistem pemantauan dan pelaporan supaya lebih berkesan; dan
- Strategi 5 : Memperbaiki sistem penilaian dan pengiktirafan integriti.

C. Pengukuhan

- Strategi 1 : Mempertingkatkan tanggungjawab secara menyeluruh di pelbagai peringkat;
- Strategi 2 : Menggalakkan perkongsian pintar dengan pelanggan; dan
- Strategi 3 : Meningkatkan penghayatan integriti.

D. Punitif

- Strategi : Memperkemas sistem pengesanan, penyiasatan dan hukuman.

5. LIMA STRATEGI UTAMA MITI

Sebanyak lima strategi utama MITI telah ditetapkan berdasarkan Laporan Tekad 2008 yang telah diguna pakai sebagai rangka dalam menggubal PIO MITI iaitu:

- (a) Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik;
- (b) Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan;
- (c) Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Jenayah Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Serta Meningkatkan Integriti;
- (d) Memantapkan Pentadbiran Sistem Keadilan dan Kawalan Dalaman; dan
- (e) Mentransformasikan Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia.

6. KANDUNGAN PELAN INTEGRITI ORGANISASI MITI

Secara umumnya, PIO MITI mestilah juga mematuhi Laporan Pencapaian PIN (Tekad 2008). Pelan ini juga adalah merupakan panduan asas bagi setiap anggota MITI di dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing sebagai penjawat awam.

7. PEMANTAUAN BAGI AKTIVITI PIO MITI

PIO MITI ini harus disusuli dengan mekanisme pemantauan dan koordinasi terhadap pelaksanaannya secara konsisten, menyeluruh dan efektif. Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) adalah merupakan mekanisme pemantauan yang penting dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan berjalan lancar dan menepati strategi dan objektif yang telah ditetapkan. Penglibatan dan komitmen secara berterusan daripada semua Bahagian dan peringkat pengurusan dijangka akan dapat mempertingkatkan lagi tadbir urus, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan berintegriti di MITI. Selain daripada penguatkuasaan dan pemantauan secara berkesan, penilaian dan penambahbaikan secara berterusan terhadap strategi dan program-program juga adalah kritikal bagi mencapai objektifnya.

8. PENUTUP

- 8.1 Akhir kata, dengan penggubalan PIO MITI ini adalah diharapkan agar semua warga MITI mengambil serius dan memberikan komitmen yang jitu dalam memenuhi kehendak *stakeholders* untuk membudayakan amalan beretika dan integriti di semua peringkat pentadbiran. Semoga usaha dan komitmen ini akan membuahkan hasil yang bermanfaat kepada masyarakat dan Negara.
- 8.2 Pelan Integriti Organisasi MITI bagi tahun 2011 - 2012 adalah seperti di **Lampiran A**.

PELAN INTEGRITI ORGANISASI KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
BAGI TAHUN 2011 - 2012

Strategi 1 : Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik

Objektif : Meningkatkan Prestasi Tadbir Urus Korporat dan Tahap Etika Perkhidmatan.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
1.	Program mempertingkatkan pemodenan dan piawaian pentadbiran MITI dengan pelaksanaan MS ISO 9001:2008, Sistem <i>Star Rating</i> (SSR), dan 5S.	- Memastikan jentera pentadbiran MITI efisien, efektif dan berintegriti tinggi. - Memastikan penambahbaikan dan pematuhan piawaian yang berterusan. - Memantapkan kualiti dan pembaharuan dalam pentadbiran dan pengurusan.	Semua kepimpinan dan semua warga MITI	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	- Pematuhan kepada MS ISO 9001:2008. - Mengekalkan pematuhan Sistem <i>Star Rating</i> (SSR). - Mengekalkan pensijilan 5S.	Ogos setiap tahun 2 tahun sekali Mei setiap tahun	- Lulus tanpa <i>non-comformity rules</i> (NCR). - Memperluaskan MS ISO 9001:2008 kepada lebih banyak aktiviti. - Melaksanakan penambahbaikan terhadap teguran MAMPU - Pensijilan 5S dilanjutkan setiap tahun.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
2.	Program memperkukuhkan penghayatan warga MITI terhadap tadbir urus.	• Meningkatkan kefahaman warga MITI terhadap tadbir urus. • Memastikan garis panduan tugas dan tanggungjawab jelas, fokus dan diketahui semua anggota. • Memastikan warga MITI mematuhi ikrar atau janji yang telah ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.	Semua warga MITI	BKP Semua Pengarah Bahagian	• Mengemaskini Kod Etika sesuai dengan keperluan semasa. • Mengadakan sesi Dialog dengan bersama pegawai MITI. • <i>Tea talk</i> dengan pihak pengurusan tertinggi. • Memperbanyakkan perkongsian maklumat secara terus dengan pihak bawahan dan memastikan Perhimpunan Bulanan menjadi agenda berterusan. • Mengadakan satu Kajian mengenai tahap fahaman atau penghayatan	Mengikut keperluan 6 bulan sekali Sebulan sekali 2 tahun sekali	• Kod Etika selari dengan keperluan semasa. • Hubungan erat di antara Pengurusan Tertinggi dan warga MITI. • Peningkatan kefahaman mengenai Piagam Pelanggan MITI di kalangan warga MITI.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
					warga MITI mengenai Piagam Pelanggan melalui survey berbentuk <i>pre test</i> dan <i>post questionnaire</i> dan mengadakan <i>info challenge</i> mengenai MITI. Melaksanakan kajian mengenai sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Warga MITI.	Sekali setahun	Tahap pengamalan nilai-nilai murni meningkat di kalangan warga MITI. Ini dibuktikan melalui poin Indeks Nilai Keseluruhan (Komposit) yang tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
3.	Program memantapkan pengurusan kewangan dan aset.	Memastikan peraturan dan arahan dalam pengurusan kewangan dan aset dipatuhi.	Semua warga MITI	BKP dan Pejabat MITI dalam dan luar negeri	- Melaksanakan peraturan dan arahan dalam pengurusan kewangan dan aset dengan betul. - Melaksanakan naziran kewangan mengikut jadual yang ditetapkan.	15 Mac setiap tahun Jun dan Disember setiap tahun	- Pematuhan terhadap Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti. - Sasaran 4 Bintang bagi pengurusan kewangan terbaik.
4.	Kaedah penggiliran tugas untuk warga MITI bagi tugas-tugas di Bahagian yang berisiko tinggi.	Mengurangkan risiko kewujudan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di kalangan warga MITI.	Semua warga MITI	BPSM	Membuat penggiliran tugas	3 tahun sekali terutamanya di Bahagian yang sensitif	Tiada pelaporan mengenai kejadian rasuah.

Strategi 2 : Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Objektif :

(a) Meningkatkan kesedaran dan pendedahan mengenai dasar-dasar semasa industri, perdagangan dan keusahawanan;

(b) Meningkatkan kepakaran, kemahiran dan kecekapan warga kerja dalam melaksanakan dasar-dasar semasa industri, perdagangan dan keusahawanan; dan

(c) Memantapkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan supaya seiring dengan keperluan semasa.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
1.	Program peningkatan kompetensi warga MITI.	- Meningkatkan kompetensi individu serta keberkesanan dan produktiviti organisasi. - Melahirkan warga MITI yang berkompetensi.	Semua warga MITI	BPSM	A. Ceramah - Integriti dan nilai-nilai murni - Penerapan nilai-nilai Islam <i>Information Sessions</i> - Motivasi	Mengikut Jadual Latihan	Penetapan sasaran bahawa warga MITI mencapai 80% bagi Laporan Nilai-nilai Prestasi Tahunan (LNPT) masing-masing.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
					B. <u>Kursus</u> • Perkhidmatan Kaunter • Pekerja Cemerlang • Pengurusan Tatatertib • Bahasa Inggeris • Analisis Ekonomi • <i>Team Building</i> • <i>Negotiation Skills</i> C. <u>Seminar/ Bengkel/ Persidangan</u> D. <u>Cross-Fertilisation</u>	1 kali setahun 1 kali setahun 1 kali setahun 4 kali setahun 1 kali setahun 4 kali setahun 1 kali setahun Mengikut jadual latihan 1 kali setahun	• Sasaran agar warga MITI mempunyai <i>soft skills</i> yang tinggi serta <i>multi tasking</i>. • Penglibatan pegawai MITI dan Agensi di dalam Program Cross <i>Fertilisation</i> bagi tempoh 6 bulan.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
					Melaksanakan proses perekayasaan terhadap sistem prosedur kerja sedia ada.	Mengikut keperluan	Penambahbaikan terhadap sistem prosedur kerja dan peraturan semasa.
3.	Program mempertingkatkan usaha-usaha pembudayaan kualiti, kreatif dan inovatif serta berdaya saing.	Meningkatkan budaya kerja yang berkualiti, kreatif dan inovatif serta berdaya saing.	Semua warga MITI	BKP dan Bahagian Perancangan Strategik (BPS)	- Penubuhan Kumpulan <i>Innovative and Creative Circle</i> (ICC). - Mengenalpasti projek inovasi yang berkaitan untuk diketengahkan oleh kumpulan ICC.	Mengikut keperluan Suku pertama setiap tahun	- Pertambahan bilangan kumpulan ICC setiap tahun. - Sekurang-kurangnya satu projek Inovasi berjaya diketengahkan di peringkat Kebangsaan.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
4.	Penyediaan maklumat dan penerbitan.	Penyebaran dan perkongsian maklumat mengenai perdagangan, industri dan keusahawanan.	Stakeholders Industri Usahawan Persatuan Perniagaan Penyedia Perkhidmatan	Semua Bahagian yang terlibat	- MITI Weekly Bulletin - Buletin INTRADE - Laporan Tahunan MITI - Industrial Master Plan 3 (IMP3) - Free Trade Agreement (FTA) FAQs Online - Trade and Economic Booklet - Dialog MITI - Portal MITI - Website for Business Councils	Secara mingguan Secara mingguan 1 kali setahun Tempoh 2006-2020 Secara berterusan Secara berterusan Mengikut keperluan Secara berterusan Secara berterusan	- Usaha ini diiktiraf oleh agensi Kerajaan yang berkaitan. - Penyebaran dan perkongsian maklumat mengenai perdagangan, industri dan keusahawanan berfaedah kepada stakeholders.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
					- Website Business Advisory Council - Website for SDSI.	Secara berterusan Secara berterusan	
5.	Perluasan penggunaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan.	- Menggunakan teknologi ICT sebagai <i>enabler</i> dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. - Meningkatkan celik ICT di kalangan warga MITI. - Memudahkan pelanggan MITI untuk mendapatkan perkhidmatan.	Pelanggan dalaman dan luaran	BPM	- Pembangunan sistem aplikasi mengikut keperluan (e-PCO, AP online, e-filing, tempahan kereta online, tempahan mesyuarat). - Peningkatan, penambahbaikan dan perluasan sistem aplikasi sedia ada mengikut keperluan dari semasa ke semasa.	Mengikut keperluan Mengikut keperluan	- Penggunaan borang secara manual adalah berkurangan berbanding dengan penggunaan aplikasi - Peningkatan jumlah <i>hits</i> dalam Portal MITI. - Program <i>outreach</i> bagi meningkatkan pembangunan dan penggunaan ICT untuk pelanggan menggunakan aplikasi yang dibangunkan oleh MITI bertambah.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
					• Penyelenggaraan sistem aplikasi dan prasarana ICT sedia ada. • Perluasan ICT dengan penyertaan di dalam pertandingan inovasi dengan MOSTI.	Secara berkala	• Jumlah waktu <i>shutdown</i> atau gangguan server berkurangan. • Penyertaan di dalam pertandingan Inovasi.
6.	Semakan ke atas sistem aduan/pertanyaan.	• Memantapkan sistem aduan supaya menjadi sistem penyampaian yang cekap dan berkesan.	Semua warga MITI	Unit Komunikasi Korporat	• Melakukan kajian keberkesanan ke atas sistem aduan sedia ada. • Menyalurkan aduan yang diterima ke bahagian MITI yang berkaitan. • Memperkemarkan sistem saluran aduan sedia ada.	Separuh tahun kedua Secara berterusan Secara berterusan	• Tiada aduan yang berulang. • Aduan dijawab pada waktu yang ditetapkan.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
					Membuat pemantauan ke atas tindakan susulan secara rapi.	Secara berterusan	

Strategi 3 : Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Jenayah Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Serta Meningkatkan Integriti

Objektif : Mengelakkan berlakunya penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
1.	Menganjurkan ceramah/bual bicara/forum memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam aspek perdagangan, industri dan keusahawanan.	Berkongsi maklumat dan pengalaman mengenai keburukan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam aspek perdagangan dan industri seperti proses memulakan perniagaan, mendapatkan lesen pengilang, permit dan pemilihan peserta di dalam program-program keusahawanan anjuran MITI.	Warga MITI terutamanya yang terlibat di dalam pengeluaran lesen dan permit, serta pemilihan peserta dalam program-program anjuran MITI	BPSM	Program ceramah/bual bicara/forum daripada Agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).	September setiap tahun	- Kesedaran tinggi di kalangan warga MITI mengenai rasuah. - Tiada aduan mengenai amalan rasuah di MITI.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
2.	Menganjurkan kempen kesedaran memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam hal-hal berkaitan perdagangan, industri dan keusahawanan dengan kerjasama SPRM.	- Memperkuahkan kesedaran integriti sehingga sehati dengan kehidupan harian. - Meningkatkan keyakinan pelabur untuk melabur di dalam negara dan seterusnya menggalakkan pelaburan tempatan (DDI) dan juga asing (FDI).	Semua warga MITI	BKP dan BPM	- Pengagihan pelekat kenderaan yang memuatkan <i>tagline</i> berkenaan rasuah. - Poster khusus mengenai keburukan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa (contoh: terjemahan ayat al-Qur'an berkaitan rasuah). - Pop-up melalui e-mail dan website MITI berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.	April setiap tahun Poster ditampal sepanjang tempoh pelaksanaan PIO MITI 2011-2012 Minggu pertama setiap bulan	- Tiada aduan mengenai amalan rasuah di MITI. - Peningkatan tahap integriti di kalangan warga MITI semasa menjalankan tugas.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
				BPS dan BPSM	Artikel/ peringatan berkenaan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di dalam MITI Weekly Bulletin.	April, September dan Disember setiap tahun	
3.	Lawatan ke penjara-penjara di Malaysia untuk pegawai-pegawai MITI.	Memupuk keinsafan dan iktibar di dalam diri hasil daripada pengalaman menyaksikan sendiri kehidupan dan penderitaan pesalah-pesalah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.	Semua warga MITI	BPSM	Mengadakan lawatan ke penjara-penjara terpilih di Malaysia.	Separuh tahun kedua	Mewajibkan semua pegawai dan kakitangan MITI untuk melawat penjara bagi meningkatkan kesedaran mengenai amalan rasuah.

Strategi 4 : Memantapkan Pentadbiran Sistem Keadilan dan Kawalan Dalam

Objektif :

(a) Memastikan undang-undang dan peraturan bersesuaian agar dapat dilaksanakan mengikut perkembangan semasa untuk:

- i) Meningkatkan perdagangan dan pelaburan; dan
- ii) Memperkemaskan pengurusan kawalan dalaman.

(b) Memastikan tindakan pengesanan masalah disiplin di peringkat awal bagi membolehkan tindakan pemulihan dan punitif dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui penghukuman di lembaga tatatertib di peringkat Lembaga Tindakan Tatatertib.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
1.	Melaksanakan semakan semula secara berterusan undang-undang dan peraturan semasa seperti: i) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (Act 327);	Memastikan segala akta dan peraturan dikemaskini, untuk diselaraskan dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang kondusif.	Bahagian-bahagian terlibat	Penasihat Undang-Undang dan Bahagian-bahagian yang terlibat	Semakan semula terhadap semua Akta atau peraturan semasa yang tidak relevan lagi.	Mengikut keperluan	Akta di bawah seliaan MITI relevan dan sentiasa kemaskini.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
	ii) Akta Pelindung 2006 (Act 657); iii) Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 (Act 504); iv) <i>Small and Medium Industries Enterprises Corporation</i> (Act 539); v) Akta Perdagangan Strategik 2010; vi) Akta Penyelarasan Industri 1975;						

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
	vii) <i>Malaysian Industrial Development Authority (Incorporation) Act 1986 (Act 397);</i> viii) <i>Malaysian External Trade Development Corporation Act 1992 (Act 490);</i> ix) <i>Malaysian Productivity Corporation (Incorporation) Act 1966 (Act 408); dan</i> x) Perjanjian Perdagangan Bebas yang sedia ada.						

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
2.	Membangunkan pengurusan risiko secara meluas terutamanya berkaitan projek-projek pembangunan dan sektor atau bahagian yang berisiko.	Memastikan setiap Bahagian yang berisiko rasuah terutamanya ke atas aktiviti utama Kementerian antaranya bagi urusan yang berkaitan terus dengan pelanggan agar melaksanakan pengurusan risiko bagi membendung gejala rasuah di samping mengukuhkan keyakinan umum terhadap ketelusan MITI.	Bahagian- Bahagian terlibat	BPS	Pembangunan sistem pengurusan risiko terhadap semua aktiviti teras yang berisiko rasuah.	Disember 2011	- Sistem pengurusan risiko yang dipercayai (<i>reliable</i>) serta telus. - Pengendalian pengurusan risiko yang teratur di Bahagian yang berisiko tinggi.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
3.	Melaksanakan audit dalaman bagi memantau pelaksanaan dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada serta prosedur sistem kerja semasa.	Memastikan pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang semasa serta wujudnya <i>counter check</i> di dalam urusan atau aktiviti harian.	Semua Bahagian	Unit Audit Dalam	Melaksanakan audit dalaman bagi tujuan semakan dan pematuhan terhadap prosedur kerja semasa.	Jun setiap tahun	Pematuhan secara total terhadap peraturan undang-undang serta prosedur sistem kerja sedia ada.
4.	Memantau laporan prestasi <i>punch card</i> dengan lebih teliti bagi mengenal pasti anggota yang bermasalah dari segi kehadiran.	Mengenal pasti warga MITI yang perlu diberi perhatian dan kesedaran akan kepentingan dalam mematuhi peraturan kerja.	Bahagian- Bahagian terlibat	BPSM	Mengadakan sesi kaunseling dan juga program-program pemulihan untuk membantu menangani masalah tersebut.	Setiap bulan	Jumlah kedatangan lewat tanpa sebab berkurangan.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
5.	Program membangunkan mekanisme untuk melindungi pihak yang melaporkan/saksi [Whistleblower Act 2010 (Act 711/ Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010)] sebagaimana bagi kesalasan-kesalahan tatatertib dan juga kesalasan-kesalahan seperti rasuah, sogokan dan salah guna kuasa.	• Untuk mewujudkan kesedaran terhadap pelanggaran peraturan dan tatatertib di kalangan warga MITI. • Untuk mempromosikan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 di kalangan warga MITI.	Semua warga MITI	BKP	• Mewujudkan mekanisme yang membolehkan perlindungan dan kerahsiaan bagi pihak yang melaporkan. • Mewujudkan satu bentuk pelaporan agar dapat melindungi mana-mana warga MITI yang tampil memberikan maklumat yang berkaitan rasuah di kalangan warga MITI. • Memberi taklimat bagi memberitahu hak-hak pelapor/saksi.	Disember 2011	• Sistem yang <i>reliable</i> (dipercayai) di mana warga MITI tidak perlu takut maklumat yang diberikan bocor serta kerahsiaan pihak yang melaporkan juga akan dilindungi.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
6.	Program membangunkan dan memupuk kesedaran dan keperluan bagi pegawai-pegawai untuk mengisytiharkan harta.	• Bagi mengemaskini data dan memantapkan penggunaan sistem tersebut.	Semua warga MITI	BPSM	• Menganjurkan sesi pengisytiharan harta mengikut Bahagian secara berperingkat.	Disember setiap tahun	• Memastikan kesemua warga MITI melaksanakan pengisytiharan harta serta memperbaharui pengisytiharan harta setiap 5 tahun sekali atau setiap kali ada berlaku pertambahan atau pelupusan harta.

Strategi 5 : Mentransformasikan Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia

Objektif :

- (a) Untuk menjadikan warga MITI sentiasa kompeten, kreatif dan inovatif serta bersedia melaksanakan fungsi teras MITI dengan berkesan selari dengan visi dan misi nasional;
- (b) Untuk memastikan setiap warga MITI sentiasa responsif terhadap budaya korporat MITI dan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dalam mempertingkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan;
- (c) Untuk membentuk warga MITI yang sentiasa berdaya saing, proaktif dan profesional serta peka dengan perubahan dasar-dasar semasa bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara berpendapatan tinggi; dan
- (d) Untuk melahirkan warga MITI yang berketerampilan dan berkemahiran mengikut bidang keutamaan berasaskan kompetensi generik dan fungsional serta berupaya mengaplikasikan teknologi terkini.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
1.	Program pengukuhan inventori sumber manusia melalui pengkhususan kerja.	Mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran anggota baru bagi memastikan penempatan bersesuaian dengan minat dan kemahiran anggota.	Semua warga MITI	BPSM	- Mengadakan kursus induksi dalaman. - Mewujudkan indikator bagi mengenal pasti kepakaran anggota baru termasuk ujian psikologi dan soal selidik ringkas mengenai tahap kefahaman	Minggu pertama Pegawai melapor diri Disember 2011	- Penempatan pegawai adalah bersesuaian dengan individu. - Pegawai tidak menghadapi stres dan tiada pegawai memohon untuk bertukar keluar dari Bahagian atau Kementerian.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
		Mengenal pasti keperluan kompetensi khusus oleh setiap Bahagian.			terhadap bidang tugas utama MITI. Menyediakan pangkalan data keperluan kompetensi khusus setiap bahagian.	Disember 2011	
2.	Program pendedahan landasan dan kemajuan kerjaya.	Mengekalkan sumber dan kepakaran warga MITI.	Semua warga MITI	BPSM Bahagian Hubungan Ekonomi dan Perdagangan, Bahagian FTA dan Bahagian Dasar Sektor dan Hal Ehwal Pelaburan	- Melaksanakan kajian mengenai peluang kerjaya atau kenaikan pangkat bagi warga MITI. - Memberi peluang bagi menyertai misi pelaburan dan perdagangan, rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)/ Perjanjian Perdagangan Serantau (RTA).	2 tahun sekali (Oktober) Mengikut jadual yang ditetapkan	Satu kajian yang memperlihatkan peluang kerjaya atau kenaikan pangkat di MITI.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
					• Lawatan industri. • Mengadakan pusingan kerja.	Mengikut jadual yang ditetapkan Setiap 3 tahun sekali (Oktober)	• Pusingan kerja bagi setiap pegawai untuk setiap 3 tahun terutamanya di tempat yang sensitif.
3.	Program pembangunan pakar terutamanya pengkhususan kerja mengikut kecenderungan atau kemahiran pegawai.	• Mewujudkan pegawai-pegawai yang kompeten atau pakar dalam melaksanakan tugas-tugas utama (<i>core business</i>) dan khusus (fungsional): i) Pakar runding FTA. ii) Pakar rujuk dalam setiap bidang utama (<i>resource person</i>).	Pegawai atasan dan pertengahan	BPSM	• <i>Training Needs Analysis</i> (TNA) • Mengadakan latihan secara generik dan fungsional seperti : i) Latihan penguasaan Bahasa Inggeris dan bahasa asing. ii) Kemahiran komunikasi dan penulisan laporan.	Januari 2011	• Meningkatkan motivasi, kecekapan, integriti dan pengetahuan dalam bidang-bidang kompetensi umum bagi semua anggota.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
		iii) Pakar dalam Peraturan Tempasal (ROO).			iii) Kemahiran perundingan. xi) Protokol dan persidangan antarabangsa.		Kualiti rundingan bertambah dengan kurangnya maklumbalas yang negatif dari pihak industri.
4.	Program pemantauan dan penyeliaan prestasi secara berkesan.	- Memastikan sistem penilaian prestasi anggota dilaksanakan secara lebih berkesan, adil dan saksama. - Memastikan Penyelia melaksanakan penilaian terhadap prestasi kerja semasa pegawai di bawah seliaan secara berkala.	Semua warga MITI	BPSM	- Memberi maklumbalas prestasi kepada Pegawai Yang Dinilai (PYD) secara telus. - Melaksanakan <i>Formal self appraisal</i>.	Disember setiap tahun Disember setiap tahun	Warga MITI berpuas hati dengan penilaian prestasi yang diberikan.

Bil.	Program/Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Agensi Pelaksana	Tindakan Perlu Dilaksanakan	Jadual Pelaksanaan	Pencapaian Sasaran
5.	Meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan psikologi.	Mewujudkan keseimbangan di antara keperluan kerjaya dan peribadi.	Semua warga MITI	AKRAB dan BPSM	- Program Motivasi. - Program pemantapan jati diri. - Pengurusan emosi dan stres.	Setiap suku tahun Setiap suku tahun Jun dan Disember setiap tahun	Jumlah orang yang memerlukan bimbingan psikologi berkurangan berbanding dengan tahun sebelumnya.

Nota

Nota

Nota

Nota

**Blok 10, Kompleks Pejabat Kerajaan
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur**

Tel : 03-6203 3022

Faks : 03-6201 2337

E-mel : webmiti@miti.gov.my

<http://www.miti.gov.my>



Malaysia - Ke Arah Daya Saing Global